

# Jangan sekat Adun PBS buat pendirian

15H 1 FEB 1984

Oleh Manja Ismail, Kamal Ahmad dan Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad — Barisan Nasional (BN) mahu Parti Bersatu Sabah (PBS) memberi peluang dan kebebasan kepada calonnya yang memenangi pilihan raya negeri semalam, menyatakan pendirian politik mereka.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BN sendiri tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) yang menang dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, semalam untuk menyatakan pendirian itu, malah sesiapa sahaja bebas menghubungi mereka, yang sudah balik ke kawasan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapat maklumat bahawa ada calon PBS yang menang ingin menyertai BN tetapi dihalang daripada berbuat demikian termasuk dikurung.

"Ini menyebabkan Yang Dipertua Negeri, Tun Mohamad Said Keruak tidak mendapat kepastian siapakah yang sepatutnya mengangkat

Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, walaupun perkara itu mungkin menjadi hak parti berkenaan berbuat demikian, beliau menerima aduan berhubung kejadian mengurung calon PBS yang menang itu.

"Oleh itu, tidak ada jalan yang lebih mudah untuk menentukan pendirian PBS selain membebaskan mereka (calon yang menang itu) membuat kenyataan mengenai pendirian mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah itu timbul berikutan Perlembagaan Sabah berbeza dengan negeri lain kerana menetapkan parti yang dapat membentuk kerajaan boleh melantik enam orang lagi sebagai Adun.

Menurutnya, PBS yang memenangi pilihan raya itu dengan 25 kerusi, dua kerusi lebih daripada BN yang mendapat 23 kerusi, berhak membentuk kerajaan tetapi majlis angkat sumpah untuk Ketua Menteri yang baru belum dapat dibuat.

Keadaan itu juga, kata Dr Mahathir, menyebabkan penyelewengan kera-

sumpah sebagai Ketua Menteri kerana beliau tidak dapat menentukan siapa sebenarnya yang mendapat keyakinan majoriti daripada wakil rakyat yang dipilih.

"Saya dimaklumkan Yang Dipertua Negeri sakit dan berlaku keadaan yang tidak diingini iaitu desas-desus ahli PBS yang menang tidak diberi kebebasan.

"Sebelum ini pun kita dengar ada antara mereka yang mungkin keluar daripada PBS. Saya tidak tahu sama ada khabar itu benar atau tidak.

"Tetapi mereka sepatutnya diberi kebebasan. Sebaliknya maklumat yang kita terima, mereka dikurung dan tidak dibenarkan keluar," katanya dalam sidang akhbar di Sri Perdana, hari ini.

Hadir sama di sidang akhbar yang sesak dengan wartawan termasuk wakil media asing itu, ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Anwar

na tidak menepati konsep 'satu orang satu undi apabila pihak yang menang boleh mendapat sokongan lebih menerusi enam wakil tambahan berkenaan.

"Kalau ada sesiapa yang ingin meninggalkan parti selepas kerajaan dibentuk, kesannya tidak seperti sebelum kerajaan dibentuk.

"Dalam keadaan kemenangan dengan majoriti besar, perkara itu tidak akan berbangkit tetapi apabila majoriti kemenangan hanya satu orang sahaja, soal melantik enam wakil tambahan itu menjadi perkara besar," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berharap, isu itu dapat diselesaikan mengikut saluran undang-undang tanpa membabitkan sebarang kejadian tidak diingini seperti tunjuk perasaan yang pernah berlaku pada 1985.

Menurutnya, kejadian

**LIHAT MUKA 4**

# Jangan sekat Adun PBS buat pendirian

DARI MUKA 1

BH 21 FEB 1994

lompat-melompat dalam parti politik bukanlah perkara luar biasa dalam konteks politik di negeri Sabah.

Menjawab satu soalan daripada wartawan tempatan, Dr Mahathir menegaskan BN tidak akan menjalin kerjasama de-

ngan PBS untuk menubuhkan kerajaan campuran di negeri itu walaupun parti itu tidak lagi dipimpin oleh Pairin.

"Kalau ada wakil rakyat PBS yang ingin menyertai BN, kita buka. Tetapi parti (PBS) tidak boleh," katanya.

Mengenai janji BN untuk menubuhkan universiti di Sabah, beliau berkata ia tidak dapat dilaksanakan kerana BN tidak berkuasa di negeri itu.

"Kita janji kalau kita menang. Kita kalah dan ini bermakna rakyat Sa-

bah tidak mahu universiti.

"Bagi mereka, PBS lebih penting daripada universiti," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN akan hanya menunaikan janji pilihan rayanya dan memberi bantuan kepada rakyat yang menyokongnya.